

SAJIANBERITA

- MUKA DEPAN
- SINGAPURA
- DUNIA
- SUKAN
- EKSTRA!
- KOMENTAR
- FORUM
- EKONIAGA

ARKIB 7 HARI 

Mudah cetak
E-mel

16 Okt 2009

EKONIAGA

Teknologi baru mampu jimat kos panggilan

SYARIKAT-SYARIKAT setempat kini boleh menjimatkan kos panggilan menggunakan telefon bimbit serta panggilan jauh sehingga 80 peratus dengan pelancaran sebuah teknologi baru buatan Singapura.

Semua ini boleh dilakukan tanpa merubah cara mereka membuat panggilan dengan menggunakan proses yang diberi nama callback.

Teknologi yang dimaksudkan ialah teknologi Hoiio Perniagaan Mudah Alih yang dicipta oleh firma teknologi setempat, Teliwave Pte Ltd, dengan sokongan Skim Pengkomersialan Syarikat Teknologi (Tecs) yang diselenggarakan oleh Spring Singapore.

Ia telah dilancarkan secara rasmi semalam.

Teknologi berupa perisian yang dimuat turun ke dalam telefon bimbit itu tidak perlu menggunakan nombor identiti peribadi (PIN), kod panggilan atau nombor khusus bagi setiap kontak luar negara.

Sistem Hoiio membolehkan pengguna menekan sebarang nombor, baik di dalam atau di luar negara, langsung daripada senarai kontak telefon bimbitnya.

Teliwave menawarkan dua jenis pakej untuk syarikat tempatan, pakej pertama menggunakan sistem telefon PABX syarikat tersebut dan kedua, menggunakan pangkalan panggilan yang disediakan.

Hak cipta teknologi ciptaan Teliwave itu telah pun didaftar.

'Kebanyakan syarikat faham tentang penjimatan yang boleh mereka perolehi dengan menggunakan sistem callback. Halangan yang ada sebelum ini ialah bagaimana untuk membolehkan kakitangan yang bergerak menggunakan khidmat tersebut.

'Kos membuat panggilan menggunakan telefon bimbit dan caj IDD membentuk kos yang besar bagi perniagaan kerana banyak syarikat berniaga di luar negara dan mempunyai pekerja yang sentiasa bergerak.

'Perangkaan Penguasa Pembangunan Infokom (IDA) menunjukkan kos tersebut akan meningkat sekiranya mereka tidak menggunakan khidmat seperti Hoiio,' jelas Ketua Pegawai Eksekutif Teliwave, Encik Ong Kok Choong.

Singapore
Powered by rednano.sg

VODCASTCYBERITA



Uji Pandu Audi A5
1:46min



How Melayu are you?
1:15min



Destinasi Romantis
5:27 min

EKONIAGA

- Tawar khidmat jual tiket koc ke M'sia
- P&N Holdings menang dua kali berturut-turut
- Dua penerbitan baru khas untuk SME
- S'pura jangka ekonomi tumbuh lebih perlahan 5-10 tahun
- 'Hutang keringat' mungkin jejas proses pemulihan
- CapitaMalls Asia lancar IPO kumpul \$2.8 bilion